

# SIARAN LANGSUNG SAMBUT MAULUD

KUALA LUMPUR, Selasa — RTM akan menyiarkan secara langsung perarakan menyambut Maulud Nabi di sini Jumaat ini. Siaran itu dijadualkan bermula pukul 7.30 pagi.

Seorang jurucakap RTM berkata hari ini, RTM juga sedang menyiapkan beberapa rancangan khas bagi menyambut perayaan tersebut.

Perarakan raksasa itu yang merupakan acara kemuncak dan terbesar di peringkat kebangsaan akan disertai oleh 40,000 umat Islam.

Ia akan bermula dengan satu perhimpunan di Stadium Merdeka dan akan melalui beberapa jalan raya sebelum berakhir di Masjid Negara.

Yang di-Pertuan Agong akan berangkat mengetuai perarakan sejauh tiga kilometer itu. Raja Permaisuri Agong akan berangkat sama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, para Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, ketua-ketua perwakilan asing dan para pegawai kanan kerajaan yang beragama Islam akan turut serta.

Lebih 100 kumpulan dari berbagai-bagai jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan badan-badan agama, kebajikan dan politik akan menyertai perarakan itu.

Bagi memudahkan umat Islam menyertainya, syarikat-syarikat bas akan mengadakan perkhidmatan khas percuma untuk

mereka.

Syarikat-syarikat akan mengadakan 92 buah bas bukan sahaja untuk menghantar peserta ke tempat perarakan tetapi juga untuk membawa mereka pulang.

Perarakan yang sama juga akan diadakan di negeri-negeri lain kecuali Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Melaka.

Di negeri-negeri ini, hanya perhimpunan khas dan ceramah-ceramah agama akan diadakan.

Di Selangor, Baginda Sultan akan berangkat mengetuai perarakan mengelilingi bandar Kelang. Lebih 8,000 orang akan menyertai perarakan sejauh tiga km itu.

Perayaan tahun ini bertemakan — Hidup Berdisiplin Menjamin Keagungan Umat. — Bernama.